

**SOALAN NO.:406**

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Bertulis**

**DARIPADA : Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]**

**SOALAN : Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan mengapakah Malaysia masih mengimport 70 peratus daging untuk keperluan tempatan dan adakah projek yang diusahakan oleh rakyat tempatan gagal kerana faktor cuaca atau masalah integriti.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah ambil maklum keperluan mendesak untuk memperkasakan industri penternakan negara yang masih bergantung kepada sumber import untuk daging lembu/ kerbau dan daging kambing/bebiri yang mana Kadar Sara Diri (SSL) Negara pada kadar 22.4% dan 10.77% pada tahun 2016.

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh DVS untuk memperkasakan sektor ternakan terutamanya pengeluaran lembu, kerbau, kambing dan bebiri untuk penghasilan daging. Antara program yang dilaksanakan adalah program pembangunan industri ternakan, perkhidmatan Kawasan Tumpuan Sasaran, perkhidmatan pembiakbakaan, kesihatan ternakan dan kawalan penyakit, serta bimbingan khidmat nasihat.

Penternakan bagi menghasilkan daging kebanyakannya menggunakan baka kacukan tempatan, kecuali bagi program khas pembangunan baka kacukan sado dan Projek EPP5. Oleh itu, faktor cuaca adalah kurang signifikan untuk menentukan kejayaan projek pedaging. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu dan cabaran utama yang dihadapi oleh penternak, diantaranya adalah:

- i. Persaingan kawasan untuk penternakan dengan kawasan bagi aktiviti-aktiviti lain. Kawasan yang dikhodusukan bagi menjalankan aktiviti penternakan dan kawasan untuk

- pembangunan makanan ternakan adalah sangat terhad. Oleh itu pengeluaran ternakan tidak dapat dikembangkan;
- ii. Kos melaksanakan perniagaan bidangusaha ternakan yang meningkat diantaranya disebabkan peningkatan kos perolehan ternakan baka dan kos operasi;
  - iii. Dana kewangan yang disediakan oleh institusi-institusi kewangan masih kurang dan tidak mencukupi serta dengan kadar kelulusan yang rendah untuk membolehkan penternak-penternak mendapatkan pembiayaan bagi menampung kos operasi penternakan terutamanya kos mengaplikasi teknologi moden dan serta amalan mekanisasi peladangan yang tinggi;
  - iv. Kekurangan sumber makanan ternakan tempatan yang berkualiti dengan harga yang kompetitif;
  - v. Cabaran memperoleh tenaga kerja yang mahir dan berkompetensi. Penglibatan sedia ada adalah dari golongan yang telah berusia dengan hanya segelintir golongan belia yang berminat sebagai pelapis untuk melibatkan diri dalam perusahaan penternakan; dan
  - vi. Ancaman penyakit yang masih berleluasa kepada ternakan seperti *Foot and Mouth Disease* (FMD) dan Bruselosis